

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12 / 09 / 2007

PM garis dua perkara atasi ketidaksamaan ekonomi

UM-12/9/2007

Daripada MOWARDI MAHMUD

SINGAPURA 11 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggariskan dua perkara yang perlu dilakukan untuk mengatasi ketidaksamaan ekonomi dan kesedaran serta pendedahan terhadap Malaysia yang perlu dilakukan secara serentak.

Pertama, kata Perdana Menteri, Malaysia harus bergerak di atas rangkaian nilai secara mampu bersaing dan berkekalan berpandukan modal insan yang terbaik.

Kedua, kata Abdullah, lebih banyak pertumbuhan dan pembangunan harus dipastikan berlaku di seluruh negara dan bukan hanya tertumpu sekitar Kuala Lumpur semata-mata.

"Dengan berada di atas rangkaian nilai dan meluaskan pembangunan ke setiap ceruk merupakan satu usaha yang amat kompleks tetapi saya yakin kita melakukan dengan betul. Bagi Malaysia dan Asia Tenggara, ini merupakan masa yang sangat menarik," kata beliau.


Abdullah menambah, matlamat-matlamat berkenaan bersama-sama ciri-ciri tertentu menguatkan pendekatan diambil iaitu untuk memajukan koridor pertumbuhan di utara, timur dan selatan Semenanjung Malaysia selain Sabah dan Sarawak.

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapan pada majlis makan malam sempena penganjuran Persidangan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Forbes yang diadakan selama tiga hari mulai semalam.

Persidangan itu dihadiri oleh lebih 400 pemimpin perniagaan seluruh dunia merupakan yang ketujuh dianjurkan oleh Forbes.

Abdullah berkata, tempoh 50 tahun akan datang membawa tahap keadaan yang berbeza sama sekali sepertimana juga isu yang dihadapi oleh CEO syarikat-syarikat dalam mengasuh dan menarik modal manusia dan menjadikan diri lebih cekap dan berkesan.

Katanya, melihat kepada cabaran yang



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan Ketua Pegawai Eksekutif majalah *Forbes*, Steve Forbes selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Global CEO Forbes di Singapura, semalam.

- AP

besar, tiada siapa yang menjangkakan prospek yang ada ketika Malaysia mula merdeka pada tahun 1957 tahun lalu tetapi di sebalik keadaan luar biasa telah mencatat pertumbuhan ekonomi dan peningkatan dalam tahap kehidupan.

"Identiti nasional yang jelas telah berjaya dilahirkan dan hari ini negara mempunyai ekonomi yang dinamik dengan entiti politik yang stabil dan bersatu, kami bernasib baik dengan pendekatan yang diambil itu kerana ia menjadi," kata Perdana Menteri.

Abdullah juga berkata, di sebalik kelebihan semula jadi, Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) tidak menjadi perhatian sehinggalah Malaysia mengambil langkah proaktif dalam meningkatkan tarikan melalui langkah-langkah pembukaan pasaran terutama dengan menawarkan insentif dalam bidang-bidang tertentu seperti pembangunan hartanah.

Katanya, dengan pembukaan perniagaan multinasional di WPI dan kedekatannya dengan Singapura berpotensi untuk

menjadi sebuah pembangunan yang menarik iaitu kemunculan metropolis baru di Asia.

"Sekiranya Hong Kong dan Shenzen menjadi simbol pintu masuk ke Asia Utara, Singapura dan WPI mewakili laluan kosmopolitan ke ASEAN selain menjadi persimpangan antara India dan China yang membawa makna yang besar kepada industri perkhidmatan sejagat," kata Perdana Menteri.

- Utusan